

Babi, Kongkang, Panda dan Hal-hal yang Dipungut Kembali

Cerekayasa adalah *imprint Kawah Buku* yang menerbitkan judul-judul bacaan umum dan karya-karya kreatif bermutu tinggi. Adapun sebagai paluh yang mengadun pujangga kata dan imaginasi, cap cetak ini mahu menjadi gapura kepada naratif yang memukau dan keajaiban daya pengaryaan. Lambang Cerekayasa, yakni gabungan kelopak bunga yang mekar dan liuk nyala api, merupakan suatu pernyataan sikap penerbitan terhadap kualiti, kepelbagaian dan percikan keindahan kesusasteraan.

*Di dalam daging ada duri,
diumpun-umpun asal menjerat;
Apa dikisah maruahnya diri,
dijilat-jilat asal mendapat.*

Babi, Kongkang, Panda dan Hal-hal yang Dipungut Kembali

Faisal Tehrani



cereayasa

Bangi

Cetakan Pertama 2024

Hak cipta tulisan © Faisal Tehrani

Hak cipta penerbitan © Kawah Buku

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Cerekayasa, sebuah imprint Kawah Buku

(Didaftarkan di bawah Soeloh Merdeka Publishing)

Bandar Baru Bangi

43650 Selangor

🌐 press.kawahbuku.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-99518-2-7

Susunan dan suntingan oleh Iskandar Kamel

Bacaan semak oleh Azan Safar dan Khairunisa

Idea konsep kulit buku oleh Ruhan Shahrir

Lakaran dan reka bentuk kulit buku oleh Amin Landak

Diterbitkan di Malaysia

Dicetak oleh Nets Printwork

Isi Kandungan

<i>Nota Penerbit</i>	ix
<i>Prakata</i>	xiii
Aku, Cina Ampang	1
Aku, Jawa Simpang Renggam	10
Aku, Tamil Slim River	21
Aku, Melanau Mukah	34
Aku, Iranun Kota Belud	44
Albert Kok	52
Shirin Ebadi di Masjid Negara	59
Ulama Anjing	67
<i>The Babi</i>	75
Panda Datang Surau	86
Kisah Tuan Guru Balak	97
Lebai Kok Mung Bodo	105
Hikayat Ketua Jabatan	114
Menyandar Khianat pada Tuhan	122
Profesor Poyang	132
Bomoh Muda	141
Ghazal Forest City	149
Sumandak bernama Sabah	159

Bukan Bunuh Diri	166
Kak Nah Cekup Telor Kambing	177
Orang Johor Bahru	192
Kongkang	202
Senja di Pusara Karayuki-san	212
Setelah Hang Tuah Berlabuh di Ryukyu	220
Saya Tunggu di Mazar-i-Sharif	268
<i>Rujukan</i>	281

Nota Penerbit

Bagaimana ya harus kami mulakan coretan nota penerbit untuk sebuah lagi karya Faisal Tehrani? Terlalu banyak yang kami mahu coretkan di sini, yang mahu diabadikan di sini. Sementelah selesainya penerbitan *Kegawatan* dan *Crisis*, penulis menawarkan kepada kami beberapa pilihan untuk jalan ke hadapan. Sudah pastilah ia menjadi bentuk cabaran yang didambai, menerbitkan sekumpulan esei-cerpennya dan beberapa buah lagi karya-karya baharu beliau untuk akan datang.

Kami ingin mengembalikan kredit idea ini kepada Faisal Tehrani sendiri yang berani memberikan kepercayaan kepada sebuah rumah penerbitan yang serba sederhana—malahan kadangkalanya kami fikir, lelah juga beliau selaku penulis bernama besar mahu melayan kerenah dek kekurangan dan kelemahan kami sana-sini. Namun, beliau tidak sesekali memperkecilkan hasrat dan impian-impian kami, malahan memberikan dukungan sepenuhnya. Terima kasih untuk segalanya, kami mahu pulangkan kepada Faisal Tehrani.

“Is mahu terbitkan kumpulan espen saya?” beliau bertanya, bersahaja. Kaget, tapi kami terus menjawab: “Ya, pasti mahu!”—walaupun itulah pertama kalinya kami mendengar orang mengaju istilah ‘espen’. “Tapi Dr, espen itu apa?” kami lantas bertanya, bingung.

Lalu Faisal Tehrani mengirimkan sebuah makalahnya yang ditukang untuk jurnal ATMA UKM. Makalah itu, memperincikan tanggapannya terhadap Persuratan Baru yang digagaskan oleh Mohd Affandi Hassan dengan menyantuni karya berjudul *Pujangga Melayu*. Dalam makalah itu, Faisal Tehrani telah menyenaraikan beberapa ciri yang menjadikan sesuatu penulisan itu ‘espen’, sebuah genre yang disarankan oleh Affandi Hassan—yang membawa maksud gabungan esei dan cerpen.

Demikianlah bermulanya niat penerbitan kumpulan espen Faisal Tehrani. Tulisannya dalam kumpulan ini, rencam. Ada kenang-kenangan sebermula sekolah rendah, kritik agama dan politik, menjejak nestapa kemanusiaan di Jepun, coretan-coretan duka laranya di ranah sendiri yang terbungkam akibat COVID-19 dan mempamit rindu Hussein di Afghanistan. Cabaran terbesar kami, selain daripada suntingan, adalah untuk menyusunnya. Lelah, kerana segala ilmu alat belum cukup, justeru kami menukang buku sambil belajar.

Sudah semestinya, selaku penerbit, kami memulangkan kepada pembaca untuk menilai dan memberi pengadilan kepada kami sepenuhnya.

Dalam nota ini juga, kami ingin merakamkan penghormatan secara khusus kepada Goenawan Mohamad, tatkalanya sebuah kumpulan epigram beliau telah mencetuskan inspirasi untuk judul kumpulan espen ini. Seperti paginya dipungut kembali, menerusi espen ini kami mahu memanjangkan hasrat Pak Goenawan bahawa mudah-mudahan ia ‘jadi sejenis stimuli pemikiran atau sikap’.

Terima kasih dan penghormatan jua untuk sang artis penuh berbakat lagi budiman, Amin Landak—yang daripadanya telah tercetus lakaran kulit buku yang serba sedap. Terima kasih, Amin.

Menukang kumpulan espen ini bukanlah kerja berseorangan. Masing-masingnya daripada pasukan kecil kami menjamah serba sedikit, di sana sini, supaya naskhah yang siap di tangan pembaca kini, menjadi seperti yang kami hajati. Terima kasih untuk semua jiwa-jiwa yang bersentuhan sepanjang usaha penerbitan sederhana ini. Moga ada kebaikan yang diperoleh kelak.

Prakata

Sewaktu awal-awal mengarang dahulu, si polan telah berlatih menulis dengan menubi cerita pendek, atau cerpen. Hari ini jika si polan membaca karya-karya lampau itu, nescaya si polan terjelir lidah mengamatinya. Kebanyakannya; menurut si polan serasa mentah.

Akan tetapi demikianlah resmi seorang pengarang, semakin lama proses kepengarangannya, semakin pula dia menjarak jauh daripada kementahan itu.

Si polan baru tahu akan derita nasib pengarang. Mereka tidak pernah puas, dan selalu akan mencari kematangan menurut sudut pandangnya sendiri. Maka meskipun waktu sudah bergulir, si polan masih belum pun tiba kepada kesempurnaan.

Salah satu aspek yang si polan rasakan mentah pada karya awal-awalnya itu ialah ketiadaan *zeteo*. Si polan tidak tahu memaknakannya bagaimana. Ia seakan satu desakan, satu ujaan, satu kenekadan untuk mencari sehingga jumpa. Namun, mencari apa—dan menemui apa—itu juga masih sangat kabur.

Cikgu Shahnnon Ahmad mengatakan kepada si polan, ia adalah kerja mencari kemanusiaan. Dr Syed Othman Kelantan memetikkan ia sebagai kerja merenungkan kebenaran. Pak Samad Said menyebutkan ia usaha menggali kejujuran. Zaharah Nawawi berfatwa kepada si polan ia semacam memburu keindahan. Dan semua itu hanya akan membibitkan soalan yang macam-macam lagi; apakah itu kemanusiaan, apakah itu kebenaran, apakah itu pula kejujuran dan yang bagaimana kelak dapat dianggap kecurangan; dan macam mana indah itu dapat dikatakan indah kalau Shahnnon dan Pak Samad boleh memperincikan najis, dan longkang misalnya menjadi ‘indah’.

Kemudian, si polan mengarang genre novel. Demikianlah juga pencarian yang si polan ini hadapi. Keresahan untuk menemukan. Iaitu pencarian—*zeteo*—agar tiba ke apa yang dinamai kemanusiaan, kebenaran, kejujuran dan keindahan. Kadang semua permintaan di atas bertembungan, masing-masing menuntut diladeni sesaksamanya. Kadang si polan merasai semacam cukup ramuannya. Kala kadang ada juga serasa senteng.

Apabila si polan dilamar beberapa portal berita untuk mulai menulis kolum, si polan berdepan dengan dilema. Si polan diminta menulis rencana, iaitu *non fiksi*, dan itu amat menekannya. Ini kerana ia memerlukan keseimbangan lain. Oleh sebab itulah dalam banyak rencana atau esainya, si polan tanpa sedar, terbina atau sedang ikut menukangi elemen penceritaan. Maka membaca nukilan si polan itu seibarat membaca cerpen.

Tetapi dalam mencari keceritaan itu, si polan akan menemukan pula kefaktaan, justeru semacam esei.

Inilah espen. Esei yang dipadukan dengan elemen cerpen. Harapannya ialah pembaca akan mendapatkan kemanusiaan, kebenaran, kejujuran, keindahan dan mungkin ditokok satu lagi komponen iaitu proses kognitif; penaakulan. Diintikan fakta dan kadang kala angka, esei ini dikelim dengan plot, tema, latar, watak dan bumbunya kembali kepada pencarian, atau *zeteo*.

Espen ini merentang masa empat lima tahun ke belakang. Masa lima tahun yang dipanggil era keciciran. Di mana kanak-kanak melesat menjadi remaja; manakala yang berusia tiba-tiba di jurang kematian. Entah salah apa, masa lima tahun kebelakangan itu menjadikan persekitaran pembaca mencepat secara roket dan banyak hal yang belum matang, dilihat seakan matang. Ia era yang sempit membuat si polan, dan polan-polan lainnya gerun.

Espen ini dikarang dalam era masa mencepat dan orang memaksakan kematangan dengan penuh ketergesaan. Sewaktu itu juga si polan merasai dunia siasah lebih ganas daripada biasa. Ada desakan *zeteo*. Ramai meraba mencari kerukunan dengan harapan segala identiti yang beragam akan menjejak kesetaraan. Si polan juga merasakan kepura-puraan demikian telanjang, dan selamba menayangkan kebogelannya. Dalam erti kata lain, orang berasa tidak malu berbohong. Ramai yang mengimani akan kebohongan itu langsung melanjutkannya. Kalau ada karat-karat kemanusiaan ia tidak lagi dimaknai dengan kesucian

agama kerana orang sendiri sudah nanar dan keliru macam apakah agama itu?

Bahkan dalam banyak keadaan agama digunakan dengan polos.

Espen yang termuat dalam kumpulan ini, menurut si polan berusaha cuba membuka jalan untuk berlaku satu *zeteo*. Pencarian nekad. Si polan tidak dapat menjamin kalian akan menemukannya. Tapi busuk-busuk pun kalian sudah memulai. Untuk mengenal jalan kemanusiaan, kebenaran, kejujuran, keindahan dan ketafsiran itu, menurut si polan ia harus menempuh dunia rasa, dan juga dunia menaakul. Karya di dalam buku yang anda pegang ini menurut si polan adalah satu rasa baru. Rasa ketik, dan rasa ketok meskipun tidaklah serangup itu.

Ada garapan si polan serasa membabikan. Banyak juga yang menusuk pelan tetapi tetap menganggangkan. Ada yang memanjat, seakan bila kita di taman haiwan lantas berasa terbuai dengan kerenah panda. Dalam espen ini ada wacana, juga ada wacanu dan wacini. Malang untuk yang belum memulakan *zeteo*, mereka akan hanya menemukan wacina.

Si polan memungut semua yang sedang berlaku dalam dunia yang memaksakan orang menjadi pandai-pandai sendiri di permukaan. Ia satu percubaan. Anggaphlah ia sekadar eksperimen dalam proses herot-berot yang kita namaikan *zeteo*. Belum tentu ia menjadi, atau berjaya menemukan yang dicari-cari.

Sebab hujung-hujungnya si polan itukan hanya pengarang. Dan takdir pengarang memang jarang puas, meskipun untuk segelintir orang dia nyaris-nyaris menyentuh klimaks. Dan si polan selalu menghujahkan, mencari kesedapan atau puncak itu selalunya pun adalah perjalanan *zeteo*.

Faisal Tehrani

Kajang

13 Mei 2024

1

Aku, Cina Ampang

ADA satu permainan yang diajari oleh cikgu sejarah saya tatkala di sekolah. Permainan itu namanya ‘permainan jadi-jadi’. Permainan ini diciptakan oleh cikgu saya agar kami saling mengenal. Kerana sekitar tahun 1980-an, di sekolah kebangsaan, masih ada rakan bangsa Cina untuk bermain. Cara ia dimainkan sedikit aneh. Cikgu akan memadankan dua orang pelajar atau lebih; dan setiap pelajar akan memilih untuk ‘menjadi’ bangsa yang lain daripada keturunan asalnya.

Misalan, jika pelajar itu India, dia harus memilih menjadi seorang Iban, dan kemudian mencari episod sejarah dan latar tokoh Iban yang harus dikuasai dan dihayati, sehingga serasa-rasa dia memang seorang Iban. Pelajar Iban pula, akan menjadi seorang India, dan mencari daripada mana-mana teks sejarah untuk menelusuri hayat bangsa India, dan memilih seorang tokoh yang dapat

ditekuni dan dihidupkan dalam diri.

Dengan itu, ‘permainan jadi-jadi’ akan membolehkan pelajar kelas saya ketika mata pelajaran sejarah, seseorang yang lain. Kadang-kala kami akan ‘bertukar kulit’, Cina misalnya akan menjadi Melayu dan Melayu pula merasa menjadi Cina.

Dalam satu sesi ‘permainan jadi-jadi’, saya telah memilih untuk menjadi seorang Cina. Bukan sebarang Cina, tetapi Cina Ampang.

Kawasan itu kira-kira lima batu dari Kuala Lumpur. Ketika itu, Ampang mencakupi dua setengah batu ke arah Circular Road. Kawasan ini juga termasuk Sungai Puteh di bahagian timur, Sungai Keting di selatan dan juga Bukit Belacan di bahagian utara.

Orang Cina pada tahun 1820 sekitar dua belas ribu orang, khusus di Negeri Selat, dan terlalu sedikit di negeri Melayu. Akan tetapi, menjelang tahun 1860, jumlah orang Cina mendadak menjadi 100 ribu orang. Di Selangor, kaum Cina sudah pun bertapak sekitar tahun 1824 di Lukut.

Saya membayangkan saya Cina Lukut yang dibawa ke Ampang untuk melombong bijih. Dalam tahun 1857, penerokaan bersejarah yang pertama di Ampang itu

bermula dengan 87 orang kuli Cina dan dua orang ketua kampung pelombong. Mereka semua berbangsa Fui Chew Hakka.

Namun demikian, saya membayangkan hutan tebal di sekitar Ampang. Ular berbisa. Juga nyamuk. Hanya tujuh belas orang sahaja yang hidup setelah diserang malaria. Untuk menampung kerja buruh yang semakin kasar, 150 orang lagi didatangkan dengan lima buah bot.

Saya tidak dapat membayangkan derita di Ampang sebagai seorang Cina. Tempat itu hulu. Jauh dari peradaban manusia. Kerja saban hari membanting tulang dan menyimbah keringat menapis bijih di tebing lombong. Di bawah cahaya terik matahari, ramai yang tumbang; akan tetapi saya menjadi hamba manusia. Saya tidak punya pilihan lain.

Apa yang saya lakukan di Ampang?

Saya seorang Cina yang lahir di selatan pesisiran pantai di Kwantung, China. Saya diberitahu saya boleh menjadi kaya di sebuah negeri yang jauh dan setelah mengumpul wang besar, saya boleh kembali semula ke China. Kekasih saya sudah menanti dan akan kekal menanti untuk diperisterikan. Dia sudah berjanji tidak akan mengahwini lelaki lain.

Di Ampang, derita saya bukan sahaja kerana melarat oleh penyakit dan kebuluran. Bukan juga kerana kerja kuat. Saya malah merindui kampung halaman. Saya mengharap setiap hari supaya tidak mati di bumi yang kejam sekali. Saya membayangkan mencium rambut kekasih yang harum. Saya menangis sunyi pada malam hari.

Pada siangnya, saya berdepan dengan mandur yang memaksa sikapnya. Demi Tuhan, kehidupan saat itu amat sukar. Teman-teman pelombong lain, meskipun Cina, bukanlah daripada puak sama. Memang Fui Chew Hakka puak utama dalam kalangan kaum Cina di Ampang. Akan tetapi saya juga berdepan dengan puak Kantonis. Mereka beramai-ramai tiba di sini ketika Chow Ah Yeok (Chow Yock Wang) menjadi pemimpin ketiga dalam kalangan pemimpin Cina di Kuala Lumpur pada 1880. Puak Kantonis menyokong Yap Ah Loy dalam perang saudara Selangor. Itu perang orang besar-besar.

Selain mereka, saya juga perlu bersenggolan dengan pelombong Cina daripada puak Ta-pu Hakka. Mereka bukanlah pelombong bijih yang bagus di Ampang. Sebetulnya mereka lebih terlibat dengan penjualan ubat, menjadi tukang besi, atau urusan pajak gadai dan kadang juga sebagai penjahit. Kebanyakan kedai-kedai ubat dan penjahit hari ini daripada golongan Hakka.

Suatu saat saya hampir mati kerana dipatuk ular tedung di luar lombong. Kumpulan Ta-pu Hakka inilah yang merawat saya.

Setelah beberapa lama menetap di Ampang, saya sudah mulai ragu akan menjadi kaya dan impian memeluk kekasih di China semakin kabur. Saya mulai melihat masa hadapan di tanah yang jauh ini. Saya tahu, ia bumi asing tetapi lama-kelamaan semuanya menjadi sungguh alami di sini.

Saya kian percaya, inilah tempat sebenar tumpah peluh dan darah.

Di Ampang, aktiviti perlombongan secara kecil-kecilan sudah dilakukan oleh orang Melayu sebelum kedatangan Cina. Pada tahun 1875, penghijrahan pelombong Cina menjadikan perlombongan secara besar-besaran berlaku di Ampang. Eksport pertama bijih timah pada tahun 1859 dari Ampang menarik minat pedagang, dan juga pelombong lain.

Apabila Raja Abdullah memberi permit besar-besaran kepada saudagar Cina untuk mengusahakan aktiviti perlombongan, Ampang menjadi serta-merta pesat. Ketika itu saya sudah memadam sama sekali angan-angan untuk pulang. Saya terpaksa memilih untuk mengahwini

seorang gadis daripada puak Ta-pu Hakka, bapanya yang menyelamatkan saya daripada racun ular berbisa.

Buat seketika Perang Saudara Selangor membuatkan keadaan huru-hara. Keadaan kembali tenang ekoran campur tangan British pada tahun 1875 dan pemindahan pusat pemerintahan ke Kuala Lumpur pada tahun 1880 menyelamatkan kemerosotan bijih timah. Selepas tahun 1880, Ampang menjadi makmur semula dengan bijih timah. Menjelang tahun 1896, Ampang memiliki 29 daripada 565 ekar tanah yang terdapatnya perlombongan bijih, tidak termasuk yang dimiliki oleh kapitan Cina.

Pada tahun 1884, nasib saya berubah sedikit, tauke saya membeli lombong milik Messrs. Juga lombong kepunyaan Hill, Rathbone dan Lister di Petaling. Tauke saya juga memiliki lombong bijih menggunakan enjin stim yang dibelinya dari syarikat Eropah. Saya menjadi orang kepercayaan disebabkan mempunyai pengalaman yang banyak.

Apabila tauke tiba-tiba menjual lombong di Ampang-Ulu Klang kepada Syarikat Messrs, Patterson, Simons dengan harga 170,000 dolar, saya menjadi pekerja bawah orang Inggeris. Saya beritahu tuan punya lombong apa yang mereka lakukan salah.

Orang Eropah gagal dalam industri perlombongan bijih sekitar tahun 1884 dan 1885. Ia hasil impak daripada kesilapan aplikasi teknologi Barat kepada latar Asia. Mereka tidak mempunyai pengalaman cukup apabila menghabiskan kos berlebihan dalam mesin dan hal pengurusan.

Saya memberitahu mereka, kaum Cina berjaya dalam perlombongan kerana mereka menggunakan kos buruh murah, barangan dan pelan kerja yang baik. Saya menjelaskan kepada tuan saya, satu-satunya jalan untuk orang Inggeris memintas kekuatan dan kecekapan pemilik lombong Cina adalah dengan memperkenalkan teknologi baru yang bersesuaian.

Tuan saya percaya. Dia membawa masuk teknologi baru sistem hidraulik dalam melombong dan ini menjadi revolusi dalam perlombongan lantas membawa kepada penggunaan kapal korek. Tuan saya memberikan peranan besar kepada saya dalam syarikat perlombongan itu dan perlahan-lahan saya menjadi mandur, menjadi ketua mandur dan kemudiannya pembantu pengurus.

Hasil kerja keras, saya kemudian diberikan kuasa menjaga sebuah lombong berkeluasan empat batu setengah dengan kekuatan 1,500 orang pekerja. Lombong